

KERTAS 3

Pengenalan

1 Maksud demokrasi berparlimen

- F1 Perjuangan berasaskan kedaulatan rakyat [1m]
- F2 Rakyat melibatkan diri dalam sistem pemerintahan negara [1m]
- F3 Rakyat berpeluang membentuk kerajaan [1m]
- F4 Rakyat bebas memilih perwakilan melalui

- pilihan raya [1m]
 F5 Rakyat berhak menyokong, mengekalkan atau menukarkan kerajaan yang sedia ada melalui pilihan raya [1m]
 F6 Mengekalkan kerajaan yang adil, sejahtera dan stabil [1m]
 [Maksimum: 5 markah]

Isi dan Huraian

2 Ciri-ciri demokrasi berparlimen yang diamalkan di Malaysia.

- F1 Perlembagaan [1m]
 H1a Merupakan undang-undang tertinggi yang menjadi asas pembentukan sesebuah kerajaan [1m]
 H1b Dokumen rasmi yang mengandungi segala peraturan dan prinsip sebagai panduan kepada kerajaan [1m]
 H1c Untuk melaksanakan kuasanya [1m]
 H1d Mentadbir negara [1m]
 H1e Parti politik yang memerintah akan mengetahui hala tuju pentadbiran negara [1m]
 H1f Menjamin kerajaan menunaikan tanggungjawab kepada rakyat melalui peruntukan yang termaktub di dalamnya [1m]
 H1g Perlembagaan Malaysia mengandungi 183 perkara [1m]
 H1h Peruntukan seperti Senarai Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, institusi Yang di-Pertuan Agong, Parlimen, Jemaah Menteri dan Badan Kehakiman [1m]
 H1i Pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri [1m]
 H1j Negeri-negeri yang bergabung dalam Persekutuan Malaysia mempunyai hak, kuasa dan tanggungjawab seperti mana yang termaktub dalam perlembagaan negeri [1m]
 H1k Perlembagaan Malaysia memperuntukkan Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama [1m]
 H1l Keluhuran Perlembagaan bermaksud keagungan dan ketertinggian undang-undang [1m]
 H1m Ketertinggian perlembagaan menjamin kestabilan sesebuah negara dengan menentukan rangka dan bentuk pentadbirannya [1m]
 H1n Menjamin kecekapan, kejujuran, keadilan, ketelusan serta kelicinan pentadbiran [1m]
 F2 Raja Berperlembagaan [1m]

- H2a Bermaksud sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia [1m]
 H2b Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sejak tahun 1957 lagi apabila negara kita mencapai kemerdekaan [1m]
 H2c Baginda merupakan tonggak negara dan ketua utama negara [1m]
 H2d Merupakan simbol keutuhan dan perpaduan rakyat di Malaysia [1m]
 H2e Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut Perlembagaan Malaysia dan nasihat Perdana Menteri [1m]
 H2f Baginda tidak boleh bertindak sendirian semasa menjalankan tugas kecuali dalam perkara tertentu yang memerlukan budi bicara baginda [1m]
 H2g Pemilihan dibuat dalam kalangan sembilan orang raja Melayu daripada sembilan buah negeri Melayu secara giliran [1m]
 H2h Pemilihan ini juga dibuat berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia [1m]
 H2i Mengetuai tiga badan kerajaan iaitu Badan Perundangan, Badan Pelaksana dan Badan Kehakiman [1m]
 H2j Merupakan satu daripada tiga unsur Parlimen [1m]
 H2k Mempunyai kuasa memanggil dan membubarkan Parlimen [1m]
 H2l Merupakan Ketua Tertinggi Angkatan Bersenjata [1m]
 H2m Menjaga dan memelihara kedudukan dan hak istimewa orang Melayu [1m]
 H2n Menitahkan Majlis Raja-Raja Melayu mengadakan mesyuarat bagi membincangkan keistimewaan, kedudukan, keharmonian dan kemuliaan Majlis Raja-Raja Melayu [1m]
 H2o Ketua agama Islam bagi negeri baginda sendiri, Pulau Pinang, Melaka, Wilayah Persekutuan, Sarawak dan Sabah [1m]
 H2p Mempunyai budi bicara untuk melantik Perdana Menteri [1m]
 H2q Boleh mengisytiharkan undang-undang darurat di bawah Undang-Undang X [1m]
 H2r Melantik pengerusi dan tiga orang ahli Suruhanjaya Pilihan Raya, ahli Perkhidmatan Kehakiman, serta Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam [1m]
 H2s Bertanggungjawab melantik Peguam

- Negara dan seorang Ketua Audit Negara bagi Persekutuan [1m]
- H2t Mempunyai kuasa tertinggi untuk mentauliahkan duta-duta negara kita [1m]
- F3 Parlimen [1m]
- H3a Badan perundangan yang bertanggungjawab menggubal undang-undang negara [1m]
- H3b Menjamin keadilan dan kesejahteraan rakyat [1m]
- H3c Parlimen terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat [1m]
- H3d Dewan Negara merupakan Dewan Tertinggi terdiri daripada 69 orang ahli [1m]
- H3e Dewan Rakyat merupakan dewan terpenting
- H3f Kerana ahlinya dilantik oleh rakyat melalui pilihan raya [1m]
- H3g Tugas Dewan Rakyat adalah menggubal dan meluluskan undang-undang [1m]
- F4 Kuasa Pemerintah [1m]
- H4a Tiga bahagian iaitu Badan Perundangan, Badan Pelaksana dan Badan Kehakiman [1m]
- H4b Badan Perundangan berperanan menggubal undang-undang oleh parlimen [1m]
- H4c Menjamin keadilan dan kesejahteraan rakyat [1m]
- H4d Parlimen terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat [1m]
- H4e Dewan Negara atau Senat merupakan Dewan Tertinggi, 69 ahli digelar sebagai senator [1m]
- H4f Dewan Rakyat merupakan dewan terpenting terdiri daripada 219 orang ahli [1m]
- H4g Ahlinya dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya [1m]
- H4h Menggubal dan meluluskan undang-undang di peringkat Dewan Rakyat [1m]
- F5 Badan Pelaksana (Eksekutif) [1m]
- H5a Badan pelaksana dasar-dasar ialah Jemaah Menteri atau Kabinet [1m]
- H5b Kabinet membuat dasar tertinggi negara [1m]
- H5c Diketuai oleh Perdana Menteri
- H5d Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri mengetuai sesebuah atau beberapa kementerian [1m]
- H5e Kementerian bertanggungjawab menggubal dasar-dasar kerajaan, merancang serta menyelaras pembangunan ekonomi dan

- sosial di negara kita [1m]
- H5f Kementerian diketuai oleh seorang Menteri dan Timbalan Menteri [1m]
- H5g Adanya Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik [1m]
- H5h Menteri yang tidak diberikan suatu portfolio atau tugas khas dalam kementerian dikenali sebagai Menteri Tidak Berportfolio [1m]
- H5i Akan diberikan tugas-tugas tertentu oleh Perdana Menteri [1m]
- H5j Ketua Setiausaha Negara mengetuai perkhidmatan awam [1m]
- H5k Tanggungjawab ke atas perjalanan Kementerian dan Jabatan Kerajaan, dibantu oleh kakitangan kerajaan yang dikenali sebagai kumpulan pegawai perkhidmatan awam [1m]
- H5l Badan Berkanun adalah badan separuh kerajaan dan mempunyai kuasa autonomi tertentu [1m]
- H5m Suruhanjaya ditubuhkan untuk mengendalikan urusan pelantikan, kenaikan pangkat, pemantauan dan disiplin kakitangan kerajaan [1m]
- F6 Badan Kehakiman [1m]
- H6a Kuasa mendengar serta menentukan perkara sivil dan jenayah [1m]
- H6b Mentadbir Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri [1m]
- H6c Sistem kehakiman diwujudkan untuk melaksanakan tugas kehakiman di Malaysia [1m]
- H6d Mahkamah mempunyai kuasa mentafsirkan perlembagaan negara [1m]
- H6e Mentafsirkan undang-undang [1m]
- H6f Mengisytiharkan undang-undang bertulis Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri
- H6g Mengisytiharkan sesuatu tindakan kerajaan tidak sah di sisi undang-undang [1m]
- H6h Mahkamah tidak boleh meminda undang-undang [1m]
- H6i Sistem Mahkamah di Malaysia berhierarki iaitu Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan [1m]
- H6j Individu atau kumpulan yang tidak berpuas hati dengan keputusan perjalanan mahkamah boleh membuat rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi [1m]
- F7 Pilihan Raya [1m]
- H7a Proses memilih wakil rakyat untuk memerintah sama ada peringkat negeri atau

- persekutuan [1m]
- H7b Pemilihan dilakukan secara sulit dengan menggunakan prosedur yang telus dan teratur [1m]
- H7c Pengiraan undi dibuat secara terbuka dan keputusannya direkodkan [1m]
- H7d Calon yang mendapat undi terbanyak dikira menang [1m]
- H7e Sistem ini dikenali sebagai sistem majoriti mudah [1m]
- H7f Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melaksanakan pilihan raya di negara kita [1m]
- H7g Keanggotaan SPR dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja Melayu [1m]
- H7h SPR menjamin pilihan raya yang adil dan saksama [1m]
- H7i SPR menentukan sempadan bahagian-bahagian pilihan raya [1m]
- H7j Menjalankan pendaftaran pemilih [1m]
- H7k Mengendalikan pilihan raya sama ada pilihan raya umum atau pilihan raya kecil [1m]
- H7l Pilihan raya umum diadakan untuk memilih ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Undangan Negeri secara serentak di seluruh negara [1m]
- H7m Di Sarawak dan Sabah, pilihan raya umum dijalankan bagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri secara berasingan [1m]
- H7n Pilihan raya kecil diadakan apabila berlaku kekosongan kerusi di mana-mana kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri [1m]
- H7o Kekosongan berlaku disebabkan kematian, perletakan jawatan dan perlucutan jawatan [1m]
- H7p Pilihan raya kecil mesti diadakan dalam tempoh 60 hari bagi Semenanjung Malaysia dan 90 hari bagi Sarawak dan Sabah [1m]
- [Maksimum: 30 markah]
- 3 Peranan badan-badan pemerintah dalam sistem pemerintahan di Malaysia
- F1 Badan Perundangan [1m]
- H1a Menggubal undang-undang [1m]
- H1b Parlimen ialah badan perundangan [1m]
- H1c Menjamin keadilan dan kesejahteraan rakyat [1m]
- H1d Parlimen terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat

- [1m]
- H1e Dewan Negara atau Senat merupakan Dewan Tertinggi dalam sistem pemerintahan negara [1m]
- H1f Dewan Negara mengandungi 69 orang ahli [1m]
- H1g Ahlinya digelar Senator [1m]
- H1h Dewan Rakyat merupakan dewan terpenting [1m]
- H1i Ahlinya dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya [1m]
- H1j Dewan Rakyat mengandungi 219 orang ahli [1m]
- H1k Mewakili semua kawasan pilihan raya di seluruh negara [1m]
- H1l Menggubal dan meluluskan undang-undang pada peringkat Dewan Rakyat [1m]
- H1m Undang-undang yang dibuat oleh Parlimen dikenali sebagai akta [1m]
- H1n Undang-undang yang dibuat oleh Dewan Undangan Negeri dinamai Enakmen [1m]
- H1o Di Sarawak dan Sabah, undang-undang dinamai Ordinan [1m]
- F2 Badan Pelaksana (Eksekutif) [1m]
- H2a Badan pelaksana dasar-dasar ialah Jemaah Menteri atau Kabinet [1m]
- H2b Kabinet membuat dasar tertinggi negara [1m]
- H2c Menggubal dasar-dasar kerajaan dalam semua perkara [1m]
- H2d Perdana Menteri ketua Jemaah Menteri [1m]
- H2e Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri mengetuai sesebuah atau beberapa kementerian [1m]
- H2f Kementerian bertanggungjawab menggubal dasar-dasar kerajaan, merancang serta menyelaras pembangunan ekonomi dan sosial di negara kita [1m]
- H2g Kementerian diketuai oleh seorang menteri dan timbalan menteri [1m]
- H2h Adanya Setiausaha Parlimen dan Setiausaha politik [1m]
- H2i Menteri yang tidak diberikan suatu portfolio atau tugas khas dalam kementerian dikenali sebagai Menteri Tidak Berportfolio [1m]
- H2j Akan tetapi, beliau akan diberikan tugas-tugas tertentu oleh Perdana Menteri [1m]
- H2k Ketua Setiausaha Negara mengetuai perkhidmatan awam [1m]
- H2l Tanggungjawab ke atas perjalanan Kementerian dan Jabatan Kerajaan [1m]
- H2m Beliau dibantu oleh kakitangan kerajaan

- yang dikenali sebagai kumpulan pegawai perkhidmatan awam [1m]
- H2n Kakitangan kerajaan bertanggungjawab melaksanakan dasar dan tugas yang ditetapkan oleh kerajaan [1m]
- H2o Jabatan kerajaan diketuai oleh seorang ketua jabatan yang dikenali sebagai Ketua Pengarah [1m]
- H2p Adanya badan-badan kerajaan yang dikenali sebagai badan berkanun [1m]
- H2q Badan Berkanun adalah badan separuh kerajaan dan mempunyai kuasa autonomi tertentu [1m]
- H2r Mereka juga mempunyai peruntukan kewangan tersendiri [1m]
- H2s Badan berkanun ini ditadbir oleh sebuah lembaga pengarah yang bertanggungjawab kepada menteri yang berkenaan [1m]
- H2t Suruhanjaya ditubuhkan untuk mengendalikan urusan pelantikan, kenaikan pangkat, pemantauan dan disiplin kakitangan kerajaan [1m]
- C2a Contoh Suruhanjaya adalah seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya Perkhidmatan Undang-undang dan Suruhanjaya Pasukan Polis [1m]
- F3 Badan Kehakiman [1m]
- H3a Mempunyai kuasa mendengar serta menentukan perkara sivil dan jenayah [1m]
- H3b Perkara sivil berkaitan dengan saman biasanya memerlukan afidavit [1m]
- H3c Perkara jenayah melibatkan kanun keseksaan [1m]
- H3d Badan Kehakiman berkuasa mentadbir Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri [1m]
- H3e Sistem kehakiman diwujudkan untuk melaksanakan tugas kehakiman di Malaysia [1m]
- H3f Mahkamah mempunyai kuasa mentafsirkan perlembagaan negara [1m]
- H3g Mentafsirkan undang-undang [1m]
- H3h Mengisytiharkan undang-undang bertulis Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri
- H3i Mempunyai kuasa mengisytiharkan sesuatu tindakan kerajaan tidak sah di sisi undang-undang [1m]
- H3j Mahkamah tidak boleh meminda undang-undang kerana ini dilakukan oleh Parlimen [1m]
- H3k Sistem Mahkamah di Malaysia berhierarki

iaitu Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan [1m]

H3l Ini membolehkan individu atau kumpulan yang tidak berpuas hati dengan keputusan perjalanan mahkamah boleh membuat rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi [1m]

[Maksimum: 15 markah]

4 Kebaikan demokrasi dan kesannya terhadap rakyat Malaysia.

- F1 Kestabilan politik [1m]
- F2 Pilihan raya yang telus [1m]
- F3 Penglibatan rakyat dalam pentadbiran [1m]
- F4 Keluhuran perlembagaan [1m]
- F5 Kedaulatan undang-undang [1m]
- F6 Kebebasan bersuara, beragama dan berpersatuan [1m]
- F7 Pembangunan ekonomi yang pesat [1m]
- F8 Akta Keselamatan Negara dimansuhkan [1m]
- F9 Kemasukan modal asing [1m]
- F10 Perpaduan kaum kukuh [1m]
- F11 Semangat jati diri yang tinggi [1m]
- F12 Semangat patriotisme yang tinggi [1m]
- F13 Kebanggaan rakyat [1m]
- F14 Kedaulatan dalam tangan rakyat [1m]
- F15 Melahirkan rakyat minda kelas pertama [1m]
- F16 Sistem pendidikan yang mantap [1m]
- F17 Hubungan diplomatik yang berkesan [1m]
- F18 Transformasi Kerajaan/ Ekonomi dapat dilaksanakan [1m]
- F19 Infrastruktur dinaikkan taraf [1m]
- F20 Penambahbaikan sistem perundangan/ kehakiman [1m]
- F21 Institusi beraja yang kukuh [1m]
- F22 Pemimpin diiktiraf [1m]
- F23 Imej negara ditingkatkan [1m]
- F24 Kerajaan adil dan utuh dibentuk [1m]
- F25 Pengamalan pilihan raya mengikut prosedur yang ditentukan [1m]
- [Mana-mana jawapan yang munasabah]
- [Maksimum: 10 markah]

5 Peranan warga Malaysia untuk menggunakan demokrasi berparlimen dengan sebaik mungkin.

- F1 Memahami konsep sistem pemerintahan demokrasi berparlimen [1m]
- F2 Tidak mempertikaikan peruntukan dalam perlembagaan negara dan negeri [1m]
- F3 Berpegang kepada nilai sejagat [1m]

- F4 Semangat cinta akan negara [1m]
- F5 Mempunyai semangat patriotisme [1m]
- F6 Menobatkan peranan Parlimen [1m]
- F7 Mendaulkan undang-undang [1m]
- F8 Menyokong dasar kerajaan [1m]
- F9 Meningkatkan semangat jati diri [1m]
- F10 Tidak terpengaruh dengan gejala sosial [1m]
- F11 Tidak terlibat dalam unsur subversif [1m]
- F12 Mempertahankan sistem demokrasi berparlimen [1m]
- F13 Menjalin permuafakatan dengan kerajaan yang dipilih [1m]
- F14 Menyertai pilihan raya [1m]
- F15 Menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi [1m]
- F16 Mendukung prinsip-prinsip Rukun Negara [1m]
- F17 Mentaati raja dan negara [1m]
- F18 Menghormati pemimpin negara [1m]
- F19 Mengukuhkan perpaduan antara kaum [1m]
- F20 Menerima konsep perpaduan dalam kepelbagaian [1m]
- F21 Patuh kepada perlembagaan [1m]
- F22 Menghormati institusi beraja [1m]
- F23 Mempunyai sikap terbuka [1m]
- F24 Memantapkan kestabilan politik [1m]

[Mana-mana jawapan yang munasabah]

[Maksimum: 10 markah]

6 Terdapat pihak yang mempertikai amalan demokrasi di Malaysia.

(a) Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

- F1 Masalah perpaduan dalam kepelbagaian kaum [1m]
- F2 Tidak diberi kebebasan bersuara [1m]
- F3 Rakyat tidak berpuas hati dengan hak mereka [1m]
- F4 Tidak memahami perlembagaan dengan mendalam [1m]
- F5 Pengaruh luar/ media massa [1m]
- F6 Hubungan antara kaum sering dipermainkan oleh golongan tertentu [1m]
- F7 Jurang ekonomi yang jauh berbeza [1m]
- F8 Perbezaan sosiobudaya rakyat [1m]
- F9 Fahaman politik yang berbeza [1m]
- F10 Politik perkauman yang didominasi oleh golongan tertentu [1m]
- F11 Tuntutan perkauman yang melampau oleh kaum-kaum tertentu yang menggugat semangat patriotisme yang longgar [1m]

- F12 Sikap keterbukaan yang terlalu bebas [1m]
- F13 Kelemahan pemimpin [1m]
- F14 Politik perkauman yang menebal [1m]
- F15 Kadar kemiskinan yang berbeza [1m]
- F16 Ketidakadilan ekonomi [1m]

[Mana-mana jawapan yang munasabah]

(b) Berikan cadangan anda untuk menghapuskan persepsi negatif tersebut.

- F1 Menghormati keluhuran perlembagaan [1m]
- F2 Mempertahankan kedaulatan negara [1m]
- F3 Memperketatkan kawalan di sempadan negara [1m]
- F4 Pengamalan Rukun Negara, penggunaan bahasa kebangsaan [1m]
- F5 Penghayatan Rukun Negara [1m]
- F6 Menghormati pemimpin negara [1m]
- F7 Memperkukuh semangat perpaduan dan patriotisme [1m]
- F8 Menganjurkan kempen kesedaran tentang sistem demokrasi [1m]
- F9 Larangan mempertikaikan isu-isu sensitif [1m]
- F10 Penguatkuasaan undang-undang secara lebih ketat [1m]
- F11 Menyokong dasar-dasar kerajaan [1m]
- F12 Keadilan ekonomi [1m]
- F13 Konsep 1Malaysia [1m]
- F14 Wawasan 2020 [1m]
- F15 Program PLKN [1m]
- F16 Pengenalan Akta Keharmonian Nasional menggantikan Akta Hasutan [1m]
- F17 Meningkatkan taraf hidup [1m]
- F18 Mendaulkan peranan Suruhanjaya Pilihan Raya [1m]
- F19 Mengenakan hukuman setimpal dengan kesalahan [1m]
- F20 Mewujudkan sistem pendidikan kebangsaan [1m]
- F21 Penggunaan bahasa kebangsaan [1m]
- F22 Menobatkan institusi beraja [1m]
- F23 Memantapkan institusi kekeluargaan [1m]

[Mana-mana jawapan yang munasabah]

[Maksimum: 10 markah]

7 Huru-hara berlaku di banyak negara yang mengamalkan sistem demokrasi kini.

(a) Mengapakah huru-hara tersebut berlaku?

- F1 Taasub pada pemimpin yang fanatik [1m]
- F2 Tidak memahami konsep sistem demokrasi secara jelas [1m]
- F3 Kelemahan pemerintah [1m]
- F4 Kebebasan bersuara dan berpersatuan disekat [1m]
- F5 Enggan menerima keputusan pilihan raya [1m]
- F6 Kekuatan golongan tentera [1m]
- F7 Pengaruh media massa [1m]
- F8 Tahap pendidikan yang rendah [1m]
- F9 Tiadanya ketajaman berpolitik [1m]

[Mana-mana jawapan yang munasabah]
[Maksimum: 10 markah]

(b) Bagaimanakah huru-hara tersebut dapat diselesaikan?

- F1 Kesedaran tentang konsep sistem demokrasi melalui pendidikan [1m]
- F2 Memberi ceramah/seminar/forum [1m]
- F3 Hukuman yang lebih berat [1m]
- F4 Kewibawaan pemimpin [1m]
- F5 Mematuhi perlembagaan negara [1m]
- F6 Menyekat pengaruh media massa [1m]
- F7 Mengadakan pilihan raya secara telus [1m]
- F8 Menggerakkan jentera pentadbiran dengan lebih berkesan [1m]

[Mana-mana jawapan yang munasabah]
[Maksimum: 10 markah]

8 Iktibar yang diperoleh berdasarkan tajuk yang dikaji.

- F1 Kesetiaan kepada raja dan negara [1m]
- F2 Menghormati pemimpin [1m]
- F3 Menerima Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri [1m]
- F4 Mendaulkan undang-undang [1m]
- F5 Menghargai kestabilan politik [1m]
- F6 Memperkukuh perpaduan antara kaum [1m]
- F7 Memupuk semangat cinta akan negara [1m]
- F8 Menjalankan tanggungjawab mengundi [1m]
- F9 Mengadakan pilihan raya yang telus [1m]
- F10 Kebebasan memilih pemimpin [1m]
- F11 Kedaulatan dalam tangan rakyat [1m]

F12 Bertanggungjawab mengekalkan keamanan [1m]

F13 Memelihara kemerdekaan [1m]

F14 Menghormati hak asasi manusia [1m]

F15 Menobatkan institusi beraja [1m]

F16 Bertindak adil dan saksama [1m]

F17 Menerima konsep pengasingan kuasa [1m]

F18 Menjamin keamanan negara [1m]

F19 Kestabilan negara bergantung kepada kewibawaan pemimpin dan kerjasama rakyat [1m]

F20 Memilih pemimpin yang berkaliber [1m]

F21 Bersedia menerima perubahan [1m]

F22 Bersikap inovatif dan kreatif [1m]

F23 Sentiasa berfikiran positif [1m]

F24 Menghayati prinsip Rukun Negara [1m]

F25 Hidup aman dan sejahtera [1m]

F26 Peka terhadap perkembangan semasa [1m]

F27 Bijak membuat pilihan [1m]

[Mana-mana jawapan yang munasabah]
[Maksimum: 5 markah]

9 Membuat kesimpulan keseluruhan isi yang telah dibincangkan:

(a) Pengetahuan yang diperoleh.

- F1 Pengetahuan yang saya peroleh ialah sistem pemerintahan demokrasi berparlimen merupakan satu sistem pemerintahan yang membolehkan rakyat memilih pemimpin dan kerajaan melalui pilihan raya [1m]
- F2 Kerajaan sentiasa menunaikan tanggungjawabnya terhadap rakyat yang diperintah [1m]
- F3 Kerajaan yang memerintah perlu menunaikan tanggungjawab terhadap rakyat [1m]
- F4 Rakyat berpeluang membentuk sebuah kerajaan yang teguh [1m]
- F5 Pengetahuan yang seterusnya saya peroleh ialah Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen [1m]
- F6 Hal ini bermaksud, kuasa pemerintahan dibahagikan kepada tiga badan pemerintahan iaitu badan perundangan, badan pelaksana dan badan kehakiman [1m]
- F7 Pengetahuan yang saya peroleh ialah Yang di-Pertuan Agong merupakan tonggak keagungan Malaysia dan

- juga simbol perpaduan rakyat sejak merdeka sehingga kini [1m]
- F8 Saya dapat mengetahui tentang proses pilihan raya yang berlaku di Malaysia serta perlembagaan yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan [1m]
- (b) Nilai/unsur patriotisme.
- F1 Semangat cinta akan negara [1m]
- F2 Pentingnya perpaduan antara kaum [1m]
- F3 Bekerjasama/bertoleransi/bertolak ansur [1m]
- F4 Kesetiaan kepada raja dan negara [1m]
- F5 Menggunakan hak dalam sistem demokrasi secara rasional [1m]
- F6 Hormat-menghormati antara satu sama lain [1m]
- F7 Mematuhi undang-undang [1m]
- F8 Kewibawaan pemimpin menjana kecemerlangan negara [1m]
- (c) Harapan menjadikan Malaysia bangsa dan negara Malaysia cemerlang dan terbilang.
- F1 Harapan saya agar Malaysia dapat merealisasikan semangat 1Malaysia [1m]
- F2 Kesetiaan kepada raja dan negara perlu diamalkan dengan lebih meluas [1m]
- F3 Negara Malaysia menjadi sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020 [1m]
- F4 Perpaduan jitu dan semangat kerjasama diperkukuh [1m]
- F5 Kestabilan politik dan kekukuhan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen [1m]
- Nota: 1. Fakta setiap bahagian – $3 \times 1m =$ maksimum: 3 markah
2. Markah dari mana-mana bahagian pengetahuan, iktibar dan harapan